



**ANGGOTA bomba di Kampar, Riau, Indonesia memadam kebakaran hutan yang menyebabkan jerebu teruk sehingga turut menjelaskan kualiti udara di Malaysia dan Singapura. - AFP**

# Indonesia digesa elak pembakaran hutan

**KUALA LUMPUR 13 Sept.** - Mekanisme yang digunakan pihak Indonesia dengan melakukan pembakaran hutan sebelum melaksanakan program penanaman semula adalah tidak bertepatan walaupun kaedah tersebut diakui dapat mengurangkan kos.

Dekan Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Dr. Abdul Shukor Juraimi** berkata, walaupun melibatkan kawasan hutan yang luas, pihak berkuasa tidak boleh menggunakan alasan itu untuk melakukan kaedah konvensional yang memberi kesan kepada alam sekitar.

“Di Malaysia kita menggunakan kaedah jentolak untuk membersihkan kawasan hutan atau tanaman lama sebelum melaksanakan penanaman semula.

“Pihak berkuasa Indonesia perlu segera menukar daripada cara konvensional yang biasa mereka lakukan kepada kaedah menggunakan jentera walaupun melibatkan kos yang lebih tinggi,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata, Malaysia sendiri telah menggunakan kaedah jentolak sepenuhnya sejak arahan larangan pembakaran terbuka dikeluarkan oleh kerajaan dua tahun lalu yang diperuntukkan mengikut Akta Kualiti Alam Seke­liling 2001.

Sehubungan itu, Indonesia perlu menjadikan negara ini sebagai contoh apabila kaedah mesra persekitaran yang digunakan tidak memberi implikasi negatif terhadap kualiti udara.

Sementara itu, Ketua Kluster

Pertanian dan Makanan Majlis Profesor Negara, **Prof. Dr. Ghizan Saleh** berkata, kebiasaannya proses menerangkan kawasan hutan itu dilakukan bagi menjalankan perladangan, penanaman dan pengeluaran kelapa sawit.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor Kolej Universiti Agro Sains Malaysia berpendapat, Indonesia telah terikat dengan kaedah tradisi yang digunakan sejak dahulu lagi dalam aktiviti penghapusan tanaman lama.

“Oleh itu, mana-mana negara yang menjalankan perusahaan kelapa sawit perlu berbincang bagi menetapkan protokol standard yang juga wajib dipatuhi oleh pihak berkuasa Indonesia kerana jika tidak, masalah ini tidak akan selesai,” katanya.